

PENGUNAAN GOOGLE SITES, ONE STOP CENTER SEBAGAI MEDIUM PENGURUSAN AKADEMIK

NORRILA SATARI¹, KHARSHIAH KHALID, ZAMIDI ISMAIL, DR. FOO SOON YEN
IPG Kampus Tun Hussein Onn
norila.satari@iptho.edu.my

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk melihat tahap keberkesanan dan manfaat penggunaan Google Sites sebagai medium pengurusan akademik di IPGK Tun Hussein Onn (IPGKTHO), Batu Pahat, Johor. Tapak Google Sites dipilih sebagai medium pengurusan untuk menggantikan aplikasi e-mel dan whatsapp kerana ia percuma dan fungsinya yang pelbagai. One Stop Centre (OSC) dibina menggunakan tapak Google Sites bagi memudahkan pengedaran dan penerimaan dokumen dalam kalangan pensyarah. Instrumen kajian ialah satu set soal selidik yang mengandungi 20 item pada skala Likert. Responden kajian terdiri daripada 80 orang pensyarah IPGKTHO. Data telah dianalisis untuk mendapatkan peratusan dan skor min menggunakan MS Excel. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan OSC sebagai medium pengurusan akademik dapat membantu pensyarah mendapatkan bahan dan maklumat yang diperlukan dengan cepat (4.75) dan tepat (4.80) serta pensyarah boleh memuat turun dokumen tanpa kawalan dengan mudah (4.65). Pensyarah juga bersetuju bahawa penggunaan OSC dapat mengurangkan penggunaan kertas (4.75), menjimatkan kos mencetak (4.65) serta OSC membantu pensyarah meningkatkan prestasi kerja (4.55). Namun begitu, usaha penambahbaikan perlu dilakukan terhadap prasarana di institut ini khususnya aspek kemudahan internet untuk memudahkan pensyarah mengakses atau memuat turun bahan daripada OSC. Kesimpulannya, OSC merupakan inovasi dalam pengurusan yang memberi impak kepada kecekapan pengurusan organisasi.

Kata kunci : Google Sites, Medium Pengurusan, Inovasi

1.0 PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini, internet memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu proses mendapatkan informasi. Seiring perkembangan pesat ekonomi dan kemajuan pelbagai industri, amatlah penting bagi sesebuah organisasi memiliki kecekapan dalam menguruskan tugas dan perkhidmatan, sama ada dalaman atau luaran. Kemajuan teknologi komunikasi juga membolehkan organisasi berhubung dengan pelanggan, pengurusan dan pekerja secara lebih pantas dan efisien (Ahlam, 2016).

Menurut Yang et.al. (2007) teknologi maklumat yang canggih hanyalah permulaan perubahan yang memberi kesan pada pengurusan dan aktiviti. Penggunaan kemudahan teknologi internet dan perisian Google misalnya mampu menarik minat golongan pendidik dan pelajar dan secara tidak langsung meningkatkan motivasi pelajar. Teknologi juga memudahkan pendidik dan pelajar mencari bahan pembelajaran (Johari & Fazliana, 2011) bukan sahaja di dalam kelas tetapi di mana sahaja malah melangkaui sempadan tempat dan masa, berkongsi ilmu dan interaktif serta kreatif.

Google sites adalah salah satu media website yang boleh dimanfaatkan dalam proses pembelajaran dan pengurusan. Google sites ini boleh digunakan untuk keperluan organisasi atau peribadi. Google sites merupakan cara termudah dalam membuat dan memperoleh informasi yang boleh diakses dengan cepat.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Unit Pengurusan Akademik (UPA) merupakan unit yang bernaung di bawah Jabatan Kecemerlangan Akademik. Salah satu fungsi UPA ialah menguruskan penyediaan dokumen dan menyerahkan dokumen kepada jabatan akademik bagi setiap semester dan setiap program. Terdapat tiga program yang dikendalikan oleh UPA setiap semester iaitu Program Persediaan Ijazah Sarjanamuda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjanamuda Perguruan (PISMP) dan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP). Dokumen yang perlu diserahkan dan disebarkan kepada semua pensyarah ialah Maklumat Kursus, Ringkasan Maklumat Kursus, Kalender Akademik serta pelbagai dokumen bercetak.

Sistem penyebaran dokumen di kampus adalah melalui pelbagai medium seperti emel, whatsapp, telegram atau dihantar secara peribadi kepada pensyarah yang memerlukan. Setiap pensyarah mempunyai sekurang-kurangnya tiga emel iaitu, emel kampus, emel epembelajaran dan emel Kementerian Pendidikan Malaysia (emel moe). Penyebaran dokumen yang kurang sistematik dan emel yang pelbagai menyebabkan pensyarah kurang peka dengan dokumen yang telah dihantar.

Dokumen yang dihantar melalui whatsapp dan telegram juga sukar dikesan kerana lambakan mesej yang diterima. Selain itu, dokumen yang dihantar melalui whatsapp juga akan hilang selepas satu tempoh masa. Dokumen tertentu hanya boleh dikongsi oleh ketua unit tertentu. Ini menyebabkan penerimaan dokumen yang dikehendaki akan mengambil masa.

Jika ini berlaku, pensyarah akan menghubungi Ketua Unit Pengurusan Akademik (KUPA) untuk mendapatkan dokumen yang dikehendaki. KUPA dan pensyarah JKA yang lain terpaksa menghantar semula dokumen secara peribadi kepada pensyarah yang memerlukan. Selain itu, kadangkala terdapat ralat bagi dokumen yang diterima. Pembetulan atau ralat bagi dokumen tertentu sukar untuk disebarkan kepada semua pensyarah dalam tempoh masa yang singkat. Oleh itu, OSC diharap dapat membantu Jabatan Kecemerlangan Akademik mengatasi beberapa masalah berkaitan penyebaran dokumen dalam kalangan pensyarah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut :

- 3.1 mengenal pasti tahap mudah akses pensyarah terhadap dokumen di OSC
- 3.2 mengenal pasti tahap keberkesanan OSC terhadap pensyarah
- 3.3 mengenal pasti tahap penerimaan pensyarah terhadap OSC

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini dilaksanakan bagi menjawab soalan kajian seperti di bawah:

- i. Adakah OSC mudah diakses oleh pensyarah?
- ii. Adakah OSC memberi manfaat dan dapat membantu pensyarah mendapatkan maklumat berkaitan akademik?

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada penggunaan google site, “One Stop Centre”, yang bertujuan untuk memudahkan pengurusan akademik di Jabatan Kecemerlangan Akademik. Penekanan aspek mudah akses, penjimatan masa dan kertas serta mesra pengguna semasa membangunkan OSC. Oleh itu, OSC diharap dapat membantu pensyarah mendapatkan maklumat dan dokumen akademik dengan mudah dan cepat. Kalendar akademik yang boleh diakses pada bila-bila masa juga membantu pihak pengurusan atau pihak yang berkepentingan merancang program sepanjang tempoh sesi akademik.

Seterusnya kajian ini memberi kepentingan kepada semua ahli jabatan di mana, ahli jabatan boleh berkolaborasi antara satu sama lain di dalam OSC. Ini melancarkan proses pengurusan jabatan. Semua ketua unit dalam JKA boleh memuat naik dan mengemaskini maklumat berkaitan unit masing-masing setiap masa.

6.0 TINJAUAN LITERATUR

Modimogale dan Kroeze(2011) berpendapat bahawa globalisasi dan digitalisasi telah mengubah gaya organisasi beroperasi dan bersaing di pasaran. Pandangan ini telah disokong oleh Kopic et.al(2010) yang bersetuju bahawa teknologi komunikasi adalah teras kepada perubahan ini. Penggunaan teknologi dalam kalangan pekerja akan memberi kesan terhadap kualiti kerja pekerja.

Google Sites, merupakan perkhidmatan penerbitan tapak baharu, iaitu versi JotSpot yang diperkecilkan. Ia adalah tapak web yang mudah disediakan dengan perkhidmatan yang mudah diedit untuk kegunaan sebuah organisasi atau individu (Auchard, 2008). Google Sites membenarkan pengguna bukan teknikal untuk mengatur dan berkongsi maklumat digital seperti pautan Web, kalendar, foto, video, pembentangan, lampiran dan dokumen lain dalam tapak yang mudah diselenggara (Auchard, 2008).

Google sites juga membolehkan mana-mana pengguna yang dijemput menyertai *sites* untuk mengedit halaman tanpa memerlukan pengetahuan tentang Web pengekodan atau reka bentuk. Ahli pasukan, secara individu juga boleh membuat halaman tentang aktiviti, minat mereka dan jadual aktiviti dalam masa yang tertentu (Auchard, 2008). Kolaborasi atau kerjasama yang melibatkan pembinaan sites melalui interaksi secara digital membolehkan ahli pasukan mencapai matlamat bersama ((Häkkinen *et al*, 2003) kerjasama melibatkan pembinaan makna melalui interaksi dengan orang lain dan boleh dicirikan oleh komitmen bersama untuk matlamat bersama

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk tinjauan telah dilaksanakan bagi melihat tahap penerimaan dan keberkesanan penggunaan teknologi di dalam proses pengurusan sebagai usaha untuk mewujudkan persepsi yang positif di dalam kalangan pensyarah terhadap sistem pengurusan dalam talian. Selain itu, rekabentuk kuantitatif juga telah digunakan di dalam kajian ini kerana pengkaji ingin melihat tahap keberkesanan penggunaan Google Site dalam menguruskan dokumen akademik.

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah set soalan kaji selidik yang mengandungi 20 item berskala Likert. Soal selidik telah diedarkan menggunakan Google Forms kepada semua pensyarah yang merupakan responden dalam kajian ini. Semua data yang diperoleh dari Google Form dianalisis menggunakan excel untuk mendapat peratus dan skor min.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Skala peratus, skor min dan interpretasi data kajian adalah menggunakan sumber yang banyak digunakan dalam mana-mana kajian iaitu daripada Landell (1997). Bagi memudahkan pemahaman, penemuan kajian ini dibentangkan berdasarkan kepada objektif kajian iaitu tahap mudah akses dan keberkesanan OCS dalam membantu pensyarah merujuk dokumen berkaitan akademik.

Dalam jadual analisa dapatan kajian di bawah, STS merujuk kepada Sangat Tidak Setuju, SS merujuk kepada Sangat Setuju, TP merujuk kepada Tidak Pasti, S merujuk kepada Setuju, dan SS merujuk kepada Sangat Setuju

Jadual 1 : Analisa Dapatan Kajian Bagi Keberkesanan *One Stop Center* (OSC)

	STS	TS	TP	S	SS	Skor Min	Tahap
	%	%	%	%	%		
OSC memberi maklumat yang diperlukan dengan cepat			5	15	80	4.75	Tinggi
OSC memberi maklumat yang diperlukan dengan tepat				20	80	4.80	Tinggi
OSC mesra pengguna		5	5	30	60	4.45	Tinggi
OSC boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja			10	25	65	4.55	Tinggi
OSC membenarkan dokumen tanpa kawalan dimuat turun dengan mudah			5	25	70	4.65	Tinggi
OSC membolehkan Jadual Waktu diakses dengan mudah			10	20	70	4.69	Tinggi
OSC membolehkan saya memuat turun Kalendar Akademik bagi setiap program pengajian dengan mudah				25	75	4.75	Tinggi

Berdasarkan jadual, 95% dan 100% responden bersetuju bahawa OSC dapat memberi maklumat yang diperlukan dengan cepat dan tepat. Namun, skor min bagi “OSC memberi maklumat yang diperlukan dengan tepat” lebih tinggi iaitu 4.80 berbanding skor min OSC memberi maklumat yang diperlukan dengan cepat iaitu sebanyak 4.75. Dapatan menunjukkan 90% responden berpendapat bahawa OSC mesra pengguna. 100% responden bersetuju bahawa Kalenden Akademik bagi setiap program pengajian boleh diakses dan dimuat turun dengan mudah manakala 90% responden bersetuju bahawa mereka dapat mengakses Jadual Waktu dengan mudah.

Jadual 2 : Analisa Dapatan Kajian Bagi Manfaat *One Stop Center* (OSC)

	STS	TS	TP	S	SS	Skor Min	Tahap
	%	%	%	%	%		
OSC mengurangkan penggunaan kertas dan membantu menjaga kepentingan alam sekitar				25	75	4.75	Tinggi
OSC menjimatkan kos mencetak dokumen, penyediaan ruang pemfailan, jimat masa serta tenaga			5	25	70	4.65	Tinggi
OSC menyediakan maklumat yang saya perlukan terutamanya berkaitan pengurusan akademik			5	30	65	4.60	Tinggi
OSC membantu meningkatkan prestasi kerja saya secara keseluruhannya			5	40	55	4.55	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan manfaat yang diperolehi dari penggunaan OSC sebagai medium pengurusan akademik. 100% responden bersetuju bahawa OSC berupaya mengurangkan penggunaan kertas dan membantu menjaga kepentingan alam sekitar. 95% responden bersetuju bahawa OSC dapat menjimatkan kos mencetak, penyediaan ruang pemfailan serta dapat menjimatkan masa dan tenaga. Ini disebabkan kebanyakan dokumen masih perlu dicetak bagi memudahkan responden membuat rujukan dan dibawa ke dalam bilik kuliah. 95% responden bersetuju bahawa OSC dapat membantu meningkatkan prestasi kerja mereka secara keseluruhannya.

9.0 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn menggunakan OSC untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan akademik misalnya kalender akademik, Maklumat Kursus(MK), buku pentaksiran dan buku program pengajian. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan OSC sebagai medium pengurusan akademik dapat membantu pensyarah memperoleh bahan dan maklumat yang diperlukan dengan segera tanpa berhubung dengan individu tertentu. Namun begitu, usaha penambahbaikan perlu dilakukan terhadap prasarana di institut terutamanya dari aspek kemudahan internet kerana

untuk mengakses atau memuat turun bahan dari OSC, mereka perlukan capaian internet yang baik.

Pelaksanaan OSC telah memberi kesan positif kepada para pensyarah dan inovasi dalam pengurusan yang telah memudahkan dan menjadikan pentadbiran akademik menjadi semakin cekap. Aktiviti dalam organisasi dapat diperbaiki dengan bantuan teknologi dan ianya memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak bagi memastikan teknologi yang diilih memberi kesan positif kepada organisasi.

RUJUKAN

- Auchard, E., (2008), Google Offers Team Web Site Publishing Service. Retrived on 25 October 2022, (online) Avalaible from : <https://www.reuters.com/article/us-google-sites/google-offers-team-web-site-publishing-service-idUSN2750708620080229>
- Bennett, J., Owers, M., Pitt, M., & Tucker, M. (2010). Workplace of social networking. *Property Management*, 28(3), 138-148
- Häkkinen, P., Arvaja, M. & Mäkitalo, K. (2003). Prerequisites for CSCL: Research Approaches, Methodological Challenges and Pedagogical Development. In K. Littleton, D. Faulkner & D. Miell, (Eds.) *Learning to Collaborate and Collaborating to Learn*, Nova Science
- Johari Hassan dan Fazliana Rashidah Abdul Rahman. 2011. Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Kopic, M., Kadoic, N. & Calopa, M.K. (2010). Management's role in strategic planning and application of ICT in modern organisation. *Proceedings of the 21st Central European Conference on Information and Intelligent Systems*
- Modimogale, L., & Kroeze, J.H. (2011). The role of ICT within small and medium enterprises in Gauteng. *Communication of the IBIMA*